



Siaran **AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 3 () 04/07

INSIDEN KEHILANGAN ANGGOTA TENTERA DARAT

Kementerian Pertahanan Malaysia ingin memaklumkan perkembangan berkenaan insiden kehilangan anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) yang sedang bertugas di kawasan operasi. Berdasarkan laporan yang diterima, dua orang anggota berkenaan adalah daripada Batalion Keempat Rejimen Renjer Diraja (4 RRD) yang berpangkalan di Kem Bukit Cowder, Perlis. Anggota dikenalpasti sedang bertugas dalam Operasi PEJARAK (Op PEJARAK) di Pulau Perak. Anggota yang terlibat adalah:

- i. Koperal David bin Edmund Rapi.
- ii. Lans Koperal Moses ak Logers.

Op PEJARAK merupakan operasi yang dilaksanakan di bawah kawalan Markas Pemerintahan Armada Barat, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Ia melibatkan penempatan anggota TDM di dua buah pulau di antara perairan Kedah dan Perak.

Ketiadaan anggota dikesan pada lewat malam 19 Julai 2019 ketika Ketua Penempatan membuat perbarisan pemeriksaan malam. Usaha mencari dan mengesan dua anggota tersebut telah dilaksanakan oleh anggota yang bertugas di pulau berkenaan bermula 19 Julai 2019 manakala bagi penggunaan aset melibatkan kerjasama TLDM, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) juga telah diatur gerak pada pagi 20 Julai 2019 di kawasan pulau dan perairan persekitaran bagi mengesan anggota-anggota tersebut sehingga kini.

Kementerian Pertahanan mengesahkan insiden melibatkan kehilangan dua anggota 4 RRD yang sedang melaksanakan OP PEJARAK di Pulau Perak dan usaha pencarian telah dipergiatkan bagi memastikan anggota tersebut ditemui dengan secepat mungkin.

-TAMAT-

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Kementerian Pertahanan Malaysia
22 Julai 2019